

R GB 02-11 00169 BA068

aab

Mahathir - UMNO

MAHATHIR MAHU SEMANGAT KEKELUARGAAN DALAM UMNO DIPERTAHAN

KUALA LUMPUR, 2 Nov (Bernama) -- Presiden UMNO Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata perpaduan partidan semangat kekeluargaan dalam UMNO perlu dipertahan dan dipelihara setiay masa agar ia dapat menjadi wadah seluruh rakyat untuk mencapai ta-cita Wawasan 2020.

Sebarang perselisihan faham dan rebutan jawatan secara tidak sihat sehingga membawa k'epada UMNO menjadilemah, hendaklah dielakkan dan kepentingan parti mestilah diutamakan, kata Perdana Menteri.

+Andainya kita berpecah belah dan berebut jawatan secara tidal; sihat, perjnangan mengukuhkan parti dan mempertahankan kuasa akan terhakis, + kata Dr Mahathir pada perutusannya dalam Penyata Tahunan UMNO 1991 yang akan dibentangkan pada Perhimpunan Agung UMNO 1992 di sini dari Khamis hingga Ahad ini.

Salinan perutusan itu diedarkan oleh Setiausaha Agung parti Datuk Mohamed Rahmat pada persidangan akhbar di sini hari ini.

Menurut Dr Mahathir, tidak adagunanya bagi anggota-anggota UMNO berebut jawatan kalaupada akhirnya parti sendiri kehilangan kuasa. -- Lagi.

▼02/11/18-01MST

R GB 02-11 00196 BA069

aab

Mahathir - UMNO 2 Kuala Lumpur

Beliau berkata sejarah telah membuktikan yang UMNO tidak boleh digugat daripada luar. Sebaliknya, UMNO boleh dilemahkan dari dalam.

+Menjadi tanggung jawab seluruh pemimpin dan anggota UMNO di semua peringkat, menentukan bahawa parti itu tetap berkuasa kerana perjuangan kita masih panjang dan matlamat partidan negara masih perlu diprjuangkan dengan lebih gigih demi mengekalkan kuasa yang ada, + kata beliau.

Menurut Dr Mahathir, masalah-masalah yang dihadapi sekarang belum pernah dihadapi oleh anggota UMNO pada tahun-tahun sebelumnya. Ini berpunca daripada perubahan yang begitu pesat dan mempunyai implikasi yang besar, terutama daripada segi ekonomi.

Ratanya, ketika Malaysia sedang pesat menuju tahap sebuah negara industri dan memerlukan pasaran yang luas, kuasa-kuasa besar, terutama Amerika dan Eropah Barat mula mengadakan pelbagai sekatan untuk mengawal pasaran negara masing-masing.

+Kuasa-kuasa Barat mengaitkan isu-isu politik kepada isu-isu ekonomi dan perdagangan bebas dengan memaksa nilai-nilai ciptaan mereka sendiri ke atas carakita menjaga alam sekitar, mengurus dan mengendalikan kekayaan alam kita.

+Bantuan ekonomi tidak akan diberi kepada negara-negara Dunia Ketiga sekiranya rekod mereka mengenai hak-hak kemanusiaan bertentangan dengan nilai-nilai yang diamalkan di Barat, +katanya. -- Lagi.

▼02/11/18-05MST

Pada bidang antarabangsa, Dr Mahathir berkata kehancuran sistem komunis dan kemusnahan empayar Soviet mengakibatkan kekuasaan ketenteraan dunia dibolot oleh Amerika sahaja sehingga menimbulkan ketegangan baru dalam hubungan antarabangsa.

Menurutnya, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan Majlis Keselamatannya hanya dikuasai oleh kuasa-kuasa besar dan tidak lagi mencerminkan perubahan yang berlaku di dunia sejak lepas Perang Dunia Kedua.

Dunia pula, kata beliau, masih belum aman dan terus dilanda pelbagai krisis dan kemelut seperti perang di Bosnia. Umat Islam dizalimi dan dianiaya dengan begitu dahsyat sekali, kebuluran melanda Somalia dan pergolakan di Palestin masih berterusan.

Dr Mahathir menegaskan, Malaysia sebagai sebuah negara membangun terpaksa prihatin terhadap segala perkembangan itu dan terpaksa menyuarakan pendapat dan pendiriannya secara terus terang mengenai isu-isu politik, ekonomi dan sosial yang dianggap menjejaskan kepentingan Malaysia dan kesejahteraan rantau ini serta kepentingan negara-negara membangun. --
Bernama.